

<b>Publication</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Dalam Negeri / Pg. 3</b>
<b>Date</b>	<b>Fri, 22<sup>nd</sup> Apr 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	<b>20 Kementerian Capai Petunjuk Prestasi Utama</b>		



**NAJIB TUN RAZAK** dan **Ahmad Zahid Hamidi** menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman antara SME Corp. yang diwakili **Hafsah Hashim** dengan **Mara** yang diwakili **Ibrahim Ahmad** selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

**Antara KPI Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera untuk 2016**

- Pencapaian **50.6%** nilai kontrak bumiputera (2017) berbanding keseluruhan kos dalam projek MRT1.
- Pencapaian **25%** nilai kontrak bumiputera berbanding keseluruhan kos projek Warisan Merdeka Menara PNB118.
- **30%** pengagihan kepada kontraktor bumiputera dalam projek-projek pembinaan lebuhraya utama (seperti WCE, DUKE2, EKVE dan SUKE)
- Penghasilan kajian pembangunan kerangka operasi dan pelan perniagaan Wakaf Nasional Berhad.

Pastikan agenda nasional dilaksana secara sistematik, berkesan

# 20 kementerian capai petunjuk prestasi utama

Oleh **KAMIL MASLIH**  
pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 21 APRIL**

**S**EBANYAK 20 kementerian berjaya mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) 100 peratus bagi Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) yang ditetapkan untuk tahun 2015, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, secara keseluruhannya, sebanyak 98 KPI PEB ditetapkan tahun lalu bagi kesemua 25 kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri dan pencapaian KPI meliputi kesemua kementerian itu adalah kira-kira 80 peratus.

Katanya, antara pencapaian KPI PEB tahun lalu adalah nilai kontrak kumulatif berjumlah RM4.1

bilion diberikan kepada kontraktor bumiputera untuk projek jalur lebar kelajuan tinggi, pemindahan teknologi kepada bumiputera dengan nilai kontrak kira-kira RM120.8 juta dan penjenamaan nilai pasaran sebanyak RM2.3 bilion.

“Penetapan KPI ini adalah penting dalam memastikan agenda PEB sebagai agenda nasional yang dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Pelaksanaannya yang merentasi kementerian juga adalah selari dengan usaha kerajaan dalam membangunkan negara secara inklusif,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Perda-

ngangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Datuk Husni Salleh; Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp.), Datuk Hafsah Hashim.

Dalam majlis berkenaan, Najib turut menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara SME Corporation Malaysia (SME Corp.) dengan Mara serta lapan persatuan dan dewan perniagaan bumiputera bagi menjayakan inisiatif Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB).

Selain itu, Perdana Menteri juga menyaksikan pertukaran dokumen kolaborasi strategik antara Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) dengan Yayasan

Pahang serta penyampaian sijil kepada pemegang-pemegang biasiswa di bawah Yayasan Peneraju.

Dalam pada itu, Najib memberitahu, bagi tahun ini, sebanyak 93 KPI PEB ditetapkan bagi kesemua 25 kementerian dengan sasaran impak dan keberhasilan yang lebih tinggi kepada komuniti ekonomi bumiputera.

Katanya, antara sasaran KPI PEB bagi 2016 adalah pencapaian 50.6 peratus nilai kontrak bumiputera berbanding keseluruhan kos projek MRT1 dan pencapaian 25 peratus nilai kontrak bumiputera berbanding keseluruhan kos projek Warisan Merdeka Menara PNB118.

Turut disenaraikan dalam sasaran KPI itu adalah 30 peratus pengagihan kepada kontraktor bumiputera dalam projek-projek

pembinaan lebuhraya utama serta penghasilan kajian pembangunan kerangka operasi dan pelan perniagaan Wakaf Nasional Berhad.

Dalam pada itu, mengulas mengenai program GEB, beliau memberitahu, sebanyak 400 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) disasarkan terlibat dalam program berkenaan yang bertujuan memberi bantuan bersepadu dan meningkatkan keupayaan eksport syarikat-syarikat PKS bumiputera.

Berhubung pencapaian pelajar-pelajar tajaan Yayasan Peneraju, Najib berkata, kadar kelulusan pelajar-pelajar tajaan yaysan berkenaan dalam pensijilan perisian profesional adalah 75.3 peratus, iaitu lebih tinggi berbandi kadar purata kelulusan global sebanyak 67.6 peratus.